

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b>				
<b>JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN</b>				
1	Pelan Strategik 2019 - 2023	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Excellence in Health Care Services</li> <li>● Prevention and Control of Non Communicable Diseases</li> <li>● Protection of Public Health through Effective Policies and Regulations</li> <li>● Sustainability Through Resource Optimisation and Innovation</li> <li>● Transparent and Proactive Governance</li> </ul>	Pelan Strategik 2019 - 2023 ini adalah sebagai platform Kementerian Kesihatan dalam mengukuhkan sistem dan perkhidmatan yang lebih efektif, efisien, responsif, saksama dan mudah diperolehi selaras dengan konsep liputan penjagaan kesihatan menyeluruh ( <i>Universal Health Coverage</i> ) kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035 khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
2	Komunikasi Risiko : Pemberigaan Semasa Pandemik	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengongsikan perkembangan terkini mengenai situasi COVID 19</li> <li>● Memberikan maklumat yang berterusan dan terkini mengenai situasi COVID 19 di dalam dan luar negara kepada orang ramai</li> <li>● Memberikan jaminan kepada orang ramai akan keprihatinan dan tindakan - tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam pengawalan COVID 19</li> </ul>	Komunikasi risiko: Pemberigaan semasa pandemik COVID 19 ( <i>Risk Communications: Awareness Programs during COVID 19 Pandemic</i> ) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai tentang isu-isu berkaitan dengan COVID 19 semasa Negara Brunei Darussalam mengalami pandemik COVID 19.
<b>JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN</b>				
3	Penyelaras Jawatan-Jawatan Kosong Bidang Kedoktoran	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Untuk meningkatkan lagi keberkesanan proses pengambilan doktor dari luar negeri terutamanya dalam bidang-bidang perkhidmatan kepakaran yang kritikal</li> <li>● Untuk memudahkan proses lantikan kenaikan pangkat doktor tempatan dan doktor asing dalam jawatan Pakar kepada Konsultan dengan menggunakan peruntukan jawatan yang sama tanpa memohon tambahan jawatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Secara umumnya pencarian doktor bukan tempatan untuk mengisikan kekosongan jawatan di peringkat Pakar Bersekutu atau Konsultan di Kementerian Kesihatan adalah mencabar memandangkan kelulusan dan pengalaman pemohon-pemohon dari luar negeri adalah lazimnya <i>under-qualified</i> atau <i>over-qualified</i>. Pemilihan calon yang memenuhi keperluan dari segi kelulusan dan pengalaman adalah penting bagi memastikan kompetensi klinikal doktor berkenaan adalah di tahap selamat dalam menjalankan rawatan kepada pesakit. Oleh itu, penyelarasan jawatan berkenaan adalah membantu proses pengambilan doktor di tahap Pakar atau Konsultan yang mana adalah tertakluk kepada penilaian terhadap kelayakan dan pengalaman semasa proses pemilihan dijalankan. Disamping itu, penyelarasan jawatan juga dihasratkan untuk memudahkan proses lantikan kenaikan pangkat doktor tempatan dan doktor asing di tahap Pakar kepada Konsultan dengan menggunakan peruntukan jawatan yang sama tanpa memohon tambahan jawatan.</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>PEJABAT PEJABAT KUALITI, URUSTADBIR DAN INOVASI</b>				
4	Dasar International Patient Safety Goals (IPSG) 1 - Correct Patient Identification	Dasar	<p>Dasar IPSG1 – <i>Correct Patient Identification</i> menggariskan panduan penggunaan mengenal pasti pesakit yang mana telah pun diendos oleh Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam bagi memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebelum menjalankan sebarang transaksi kesihatan seperti memberikan diagnosis, prosedur/rawatan, pemberian ubat-ubatan adalah diberikan kepada pesakit yang betul.</li> <li>- Pesakit yang betul menerima rawatan atau perkhidmatan yang sepatutnya.</li> <li>- Mengurangkan dan mengelakkan risiko tersalah pesakit semasa sebarang transaksi kesihatan dilakukan</li> </ul>	<p>Dasar International Patient Safety Goals (IPSG)</p> <p>1 - <i>Correct Patient Identification</i> atau Mengenal Pasti Pesakit yang betul adalah salah satu matlamat Joint Commission International (JCI) bagi memastikan pesakit yang betul menerima penjagaan kesihatan yang betul.</p> <p>Kementerian Kesihatan telah pun menggariskan panduan penggunaan mengenal pasti pesakit di dalam dasar IPSG 1 yang mana telah pun di endorse pada 27 Februari 2020.</p> <p>Dasar ini memastikan keselamatan pesakit dan kualiti pemberian perkhidmatan keselamatan adalah terjaga dan diberikan kepada pesakit yang betul. Mengenal pasti pesakit yang betul adalah daripada mula pesakit datang ke perkhidmatan/fasiliti kesihatan dan sepanjang proses kesihatan dilakukan. Semua pesakit adalah dikehendaki mengesahkan identiti masing-masing semasa sebarang transaksi kesihatan dilakukan.</p>
<b>PUSAT PROMOSI KESIHATAN</b>				
5	Program Persekitaran dan Gaya Hidup yang Ceria ( Happy Environment And Lifestyle, HEAL Programme )	Pelakuan Organisasi	<p>Program HEAL bertujuan untuk:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kelebihan kegiatan fizikal dari segi kesihatan dan mengurangkan gaya hidup sedentari; dan</li> <li>• Mempromosi dan menganjurkan aktiviti kegiatan fizikal secara berstruktur dan teratur di kalangan masyarakat setempat melalui kerjasama dan rangkaian sosial kumpulan masyarakat tertentu.</li> </ul> <p>Manfaat yang akan diperolehi daripada program HEAL ini adalah memperkuatkukan kalangan masyarakat setempat untuk lebih aktif dan menyumbang kepada kesejahteraan yang positif.</p>	<p>Program HEAL adalah program kerjasama Private Public Partnership (PPP) diantara Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC bagi mewujudkan peluang dan sokongan untuk kalangan masyarakat setempat melakukan kegiatan fizikal dan lebih aktif melalui pembangunan dan rangkaian sosial. Program ini berdasarkan lantikan beberapa orang duta kegiatan fizikal yang diberikan tanggungjawab dan sumber dokongan untuk mengendalikan aktiviti berunsurkan kegiatan fizikal di kalangan masyarakat setempat. Program ini adalah juga bagi mendokong salah satu tindakan yang telah dipersetujui di bawah kumpulan ‘Cross-Functional Team: Supporting Active Communities in Brunei Darussalam’, Multisectoral Task Force for Health.</p> <p>Duta Kegiatan Fizikal adalah individu atau kumpulan dari peringkat masyarakat atau akar-umbi yang berpotensi untuk menjadi pemimpin atau duta dalam mempromosi dan menganjurkan program kegiatan fizikal secara berstruktur dan teratur di kalangan masyarakat setempat melalui kerjasama dan rangkaian sosial kumpulan-kumpulan masyarakat tertentu. Mereka telah dikenalpasti dan disyorkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.</p> <p>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi duta kegiatan fizikal ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menganjurkan 2 aktiviti kegiatan fizikal</li> </ol>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>2. Sekurang-kurangnya 300 peserta diperlukan untuk mengikuti setiap aktiviti.</p> <p>3. Aktiviti yang dianjurkan ini hendaklah mempunyai tema kontekstual yang khusus dan berkaitan dengan kegiatan fizikal.</p> <p>9 Duta Kegiatan Fizikal telah dilantik bagi sesi 2019 - Feb 2020 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Malam Minggu Pusat Belia (MMPB)</li> <li>2. Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong</li> <li>3. Mukim Pengkalan Batu Riders</li> <li>4. Kelab Komuniti Belia Transformasi</li> <li>5. Kelab Pusat Belia Temburong</li> <li>6. Generasi Bekarib</li> <li>7. Hand4Hand</li> <li>8. GMSS cycle studio</li> <li>9. Mahkota Design</li> </ol>
6	Program Kesihatan Dan Tempat Kerja (Workplace And Health, WAH Programme )	Pelakuan Organisasi	<p>Program WAH bertujuan untuk mengukuhkan program gaya hidup sihat di tempat kerja, iaitu “Workplace Health Promotion Programme (WHPP)” di semua Kementerian menjelang akhir tahun 2021.</p> <p>Manfaat yang akan diperolehi daripada program WAH ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan dan memperluaskan lagi pengetahuan dan kecekapan mengenai gaya hidup sihat khususnya di tempat kerja; dan</li> <li>• Mempromosi kegiatan fizikal untuk mengekalkan berat badan yang sihat dan menyumbang kepada kesejahteraan yang positif</li> </ul>	<p>Program WAH adalah program kerjasama Private Public Partnership (PPP) diantara Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC bagi menggalakkan tempat kerja untuk menyediakan persekitaran dan tindakan yang menyokong pekerja untuk menjadi lebih aktif, mengamalkan makanan sihat, bebas dari rokok dan mempunyai kesejahteraan mental yang baik.</p> <p>Program WAH merangkumi beberapa komponen seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi pemeriksaan dan pemantauan kesihatan fizikal, khususnya, bagi pemantauan tekanan darah dan Indeks Jisim Badan (Body Mass Index );</li> <li>• Sesi pendidikan kesihatan melalui beberapa buah bengkel mengenai risiko penyakit tidak berjangkit termasuk penyakit jantung, amalan permakanan sihat, asas senaman dan kegiatan fizikal serta, bahaya merokok dan langkah-langkah berhenti merokok serta langkah-langkah menangani stres; dan</li> <li>• Sesi senaman berkumpulan selepas waktu bekerja secara percuma setiap minggu yang diketuai oleh studio kecerasan. Sebanyak 40 sesi senaman dan 6 bengkel kesihatan untuk setiap kementerian akan dijalankan sepanjang program WAH sesi 2019-2020.</li> </ul> <p>Kementerian-kementerian terpilih bagi Program WAH sesi 2019-2020 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Perdana Menteri</li> <li>• Kementerian Kewangan dan Ekonomi</li> <li>• Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri</li> <li>• Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan</li> <li>• Kementerian Kesihatan</li> <li>• Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN</b>				
7	Pengoperasian Efektif Departmental Emergency Operations Centres (DEOC)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membina serta menguji kefahaman dan kecekapan para kakitangan dan pegawai EOC bertindak mengikut peranan dan tanggungjawab dipelbagai skala dan jenis bencana.</li> <li>Mengenalpasti kesesuaian dan/atau penambahbaikan pada tempat, struktur Incident Command System (ICS), skop bidang kuasa, penyediaan laporan, penyimpanan/pengemaskinian maklumat dan keperluan asasi harian serta kelengkapan semasa pengoperasian penuh EOC.</li> <li>Memastikan penyelaras serta perilaku secara naluri (<i>instinctive behaviour</i>) terdapat pada para pegawai dan kakitangan dengan menjalani latihan yang berhubungkait dengan fungsi EOC dan pengetahuan atas pengurusan bencana</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Operasi Kecemasan atau <i>Department Emergency Operation Centre (OECD)</i> merupakan lokasi utama tempat perkumpulan komiti pengurusan bencana (atau agensi/agensi yang relevan bila diperlukan) dalam memainkan peranan penting bagi perancangan (strategik, operasi dan taktikal) tindakan, penyelaras maklumat, memudahkan permasalahan dan penyediaan keperluan semasa terjadinya bencana atau penularan wabak bagi semua Jabatan di bawah perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Keberkesan pengoperasian DEOC yang padu daripada komiti iaitu para pegawai dan kakitangan yang dilantik akan menghasilkan respon yang cepat, cekap dan tepat. Mana-mana keputusan akan dihadapkan dan dikongsikan dengan <i>Ministry of Health Emergency Operation Centre (MOHEOC)</i> dan juga <i>Emergency Operation Centre (EOC)</i> di semua Jabatan dan kemudahan kesihatan.</li> </ul>
8	Program Latihan Perhubungan Perkhidmatan Pelanggan bagi Profesional Kesihatan Bersekutu	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membudayakan perkhidmatan mesra pelanggan dikalangan peserta dalam meningkatkan tahap kepuasan pelanggan (<i>customer satisfaction</i>) dan mempromosi pengalaman pelanggan yang positif (<i>positive customers experience</i>)</li> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam memberikan perkhidmatan mesra pelanggan yang berkualiti</li> <li>Meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta akan asas kepentingan perkhidmatan mesra pelanggan</li> <li>Memberikan pendedahan kepada konsep, unsur dan amalan perkhidmatan penlanggan yang baik, mesra dan berkesan</li> <li>Meningkatkan keyakinan diri peserta apabila berhubung dengan orang ramai</li> <li>Meningkatkan kebolehan peserta untuk berkomunikasi secara lebih berkesan</li> <li>Mewujudkan suasana kondusif dan mesra pelanggan khususnya di tempat kerja</li> <li>Menyahut seruan visi Kementerian Kesihatan dalam menekankan kecemerlangan perkhidmatan dalam aspek termasuk aspek-aspek perkhidmatan dan pemedulian pelanggan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program latihan Perhubungan Perkhidmatan Pelanggan bagi pegawai dan kakitangan profesional Kesihatan Bersekutu adalah salah satu pelan tindakan yang dirancang dibawah program "Strategic Initiative 10- Strengthening Allied Health Professional Services" dalam mendokong salah satu matlamat pelan strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023 iaitu "<i>Excellence in Health Care Services</i>".</li> <li>Program ini adalah untuk mendokong hasrat Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai khususnya didalam aspek pemudahan dan mesra pelanggan dengan menekankan kepentingan memberikan perkhidmatan yang cekap, beretika dan bersopan santun.</li> <li>Program diadakan secara berperingkat untuk memastikan kesemua pegawai dan kakitangan Professional Kesihatan bersekutu mengikuti program ini.</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
9	Pelan Pandemic Preparedness in Brunei Darussalam	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memastikan pelan Business Continuity kesemua Jabatan dan Perkhidmatan dibawah kawalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan adalah terkini, relevan dan direbu mengikut keperluan serta perkembangan semasa penularan wabak</li> <li>● Mengukuhkan peranan sistem dalaman dengan memastikan penyediaan SOPs, garispandu dan tatacara rawatan adalah selaras dengan keperluan penyediaan kesiapsiagaan dan respon yang dikehendaki</li> <li>● Mempertingkatkan dan mensejajarkan kapasiti yang sedia ada dalam usaha penambahbaikan penyediaan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan untuk melaksanakan respon kecemasan yang efektif dan berkesan</li> </ul>	Dalam menyokong pelan strategik Kementerian Kesihatan ke-3 iaitu perlindungan Kesihatan Awam melalui polisi dan peraturan yang efektif, pihak jabatan telah melaksanakan pengemaskinian dan penyusunan Business Continuity Plans kesemua Jabatan dan Perkhidmatan di bawah kawalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan mengambilira maklumat dan perkembangan wabak COVID 19 yang dikongsikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Inisiatif Strategik ini menjurus kepada memastikan kesiapsiagaan untuk wabak yang menular. Selain itu, ia juga menyokong pendekatan Whole of Nation dalam mematuhi tindakan yang mengikut Prosedur Tetap Operasi Kebangsaan (NaSOP) 2012 dan Perintah Pengurusan Bencana (Disaster Management Order ) 2006.
<b>JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL</b>				
10	Establishment Of Certified Biosafety Level 3 Laboratory with Supporting Biosafety Level 2 Laboratories For An Accredited National TB Reference Laboratory And Virology Services	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Untuk melaksanakan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (<i>International Health Regulation</i>) dan dasar Kementerian Kesihatan dalam mengukuhkan keupayaan teras kesihatan awam [selaras dengan strategi-strategi dan Hala Tuju Dasar 2007-2017; Hala Tuju Dasar Bilangan 24, 49 dan 50 melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda pada tahun 2003, 2005 dan 2007]</li> <li>● Untuk menepati dasar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam menjalankan ujian makmal bagi mengenalpasti <i>Mycobacterium tuberculosis</i> yang melibatkan perlaksanaan ujian-ujian tersebut di dalam Makmal containment ‘Biosafety Level 3’ (BSL3).</li> <li>● Persediaan Jabatan Perkhidmatan Makmal dalam menangani <i>Public Health Emergencies of International Concern</i> bagi penyakit-penyakit berjangkit seperti ‘Disease X’ dengan melaksanakan prosedur pra-analisis sebelum dihantar ke Makmal Rujukan Antarabangsa bagi ujian- ujian pengesahan.</li> <li>● Memastikan persekitaran kerja yang selamat bagi kakitangan makmal dan mencegah dari berlakunya jangkitan kuman seperti penyakit TB. Dengan adanya makmal containment BSL3 yang diiktiraf dan ujian- ujian makmal yang mematuhi piawaian antarabangsa, akan dapat menyokong Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023. Diantara inisiatif-inisiatif di bawah Matlamat Strategik 1 dan 3 adalah bagi mencapai hasrat untuk menubuhkan ‘Center of Excellence’ bagi Makmal-Makmal Klinikal yang boleh menyokong kesihatan dan keselamatan awam</li> </ul>	<p>Sehingga kini, Negara Brunei Darussalam belum mempunyai kemudahan makmal Biosafety Level 3 (BSL-3). Makmal ini diperlukan di negara ini untuk menampung Makmal Rujukan TB Kebangsaan (MRTK) sepenuhnya dan penambahan Perkhidmatan Makmal Virologi sekiranya berlaku pandemik dalam menangani Penyakit berjangkit yang muncul serta lain-lain ancaman biologi. <i>International Health Regulations</i> menekankan kepentingan semua negara untuk mengukuhkan kapasiti dan keupayaan dalam pengawasan dan kawalan penyakit yang merangkumi peranan dan fungsi makmal.</p> <p>Pada masa ini semua sampel klinikal bagi penyiasatan makmal diproses dalam kemudahan Biosafety Level 2 (BSL-2) dengan amalan BSL-3 (BSL3 practices). Isu-isu keselamatan infrastruktur Makmal Rujukan TB Kebangsaan yang sedia ada telah timbul disebabkan beberapa faktor:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kejadian <i>Laboratory Acquired TB infection</i> pada beberapa kakitangan MRTK.</li> <li>2) Dasar World Health Organisation (WHO) mengenai <i>Culture and Antibiotic Susceptibility Testing in Middle – Resource Countries</i> memerlukan sebuah makmal BSL-3 bagi ujian- ujian tersebut.</li> </ol> <p>Konsultan-konsultan dari Bioshield Asia telah dijemput pada tahun 2010 bagi membuat penilaian keatas bangunan sedia ada Makmal Rujukan TB Kebangsaan di Sumbiling. Pihak Bioshield Asia mendapati bangunan berkenaan tidak sesuai untuk sebarang ubahsuai dan mencadangkan untuk pembinaan Makmal TB yang baru dan fasiliti yang dilengkapi unsur</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				biocontainment (Biosafety Level-3) yang menepati piawaian World Health Organisation dan bagi ujian- ujian MRTK untuk mendapat piawaian ISO 15189.
11	Pembangunan Makmal Tambahan Baru Virologi COVID-19, Brunei Darussalam	Struktur Organisasi	Penyakit COVID-19 mula dikesan di Negara Brunei Darussalam pada 9hb Mac 2020. Memandangkan kapasiti ujian di bangunan yang sedia ada tidak mencukupi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi membinaan makmal tambahan bagi persediaan negara untuk menghadapi wabak penyakit COVID-19 dan juga menampung kapasiti ujian yang meningkat sewaktu wabak penyakit sebanyak 10 kali ganda.	Projek pembangunan bagi menampung peningkatan ujian bagi mengenalpasti jangkitan virus yang menyebabkan penyakit COVID-19.
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI				
12	Sesi keterlibatan dengan sekolah/ maktab/ pusat tingkatan enam dalam mendidik para pelajar dan pegawai-pegawai kerajaan di pelbagai Kementerian mengenai penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkualiti bagi menghasilkan kesihatan yang lebih baik pada masa hadapan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempertingkatkan pengetahuan mengenai penggunaan ubat-ubatan secara betul dan teratur (memahami label ubat, sukatan ubat cecair yang betul seperti kiraan sudutuh dan sudu makan dalam millilitre/ penggunaan oral syringe, perbezaan nama generik ubat dan nama jenama ubat)</li> <li>Mempertingkatkan pengetahuan tentang cara penyimpanan dan pembuangan ubat-ubatan yang betul</li> </ul>	<p>Pada mulanya, sesi keterlibatan terhad kepada pelajar-pelajar di Pusat Tingkatan Enam. Pada tahun 2020, sesi ini diperluaskan kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah.</p> <p>Sesi keterlibatan ini adalah melalui bengkel pendidikan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah/ maktab/ pusat tingkatan enam adalah bertujuan untuk menyumbang kepada literasi kesihatan di komuniti dan memperkasakan generasi muda dengan maklumat penggunaan ubat yang selamat dan efektif bagi penjagaan kesihatan keluarga mereka dan komuniti.</p>
13	Kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit secara 'Targeted' di Perkhidmatan Farmasi Komuniti	Pelakuan Organisasi	<p>Perkhidmatan ini adalah untuk memastikan pesakit mendapat terapi ubat yang selamat dan berkesan dan juga mencapai terapi perubatan yang optimum.</p> <p>Ahli Kimia Ubat memberi perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit secara individu di pusat - pusat kesihatan yang mempunyai bilik kaunselling yang besesuaian.</p>	<p>Projek ini telah di 'pilot'kan di Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Gadong pada bulan Mac/April 2019 sebelum ia dijalankan di farmasi komuniti lain yang diketuai oleh seorang ahli kimia ubat. Tujuan projek ini adalah untuk memberi nasihat dan pendidikan kepada pesakit yang berkenaan supaya mereka lebih memahami ubat-ubatan mereka. Pesakit yang kurang patuh kepada arahan pengambilan ubat-ubatan adalah disebabkan oleh kurang kefahaman terhadap penyakit dan rawatannya. Ahli Kimia Ubat memainkan satu peranan yang penting dalam mendidik dan memberi kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit dan menggalakkan mereka supaya mematuhi rawatan farmakoterapi dan cara pengambilan ubat-ubatan yang diberikan.</p> <p>Projek ini juga:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>menggalakkan penggunaan ubat yang rasional</li> <li>pengurangan kadar kemasukan hospital disebabkan penyakit yang tidak terkawal</li> <li>pengurangan kesan sampingan ubat yang tidak diingini.</li> <li>pengurangan pembaziran ubat-ubatan.</li> </ol>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
14	Perkhidmatan Waktu Lanjutan Farmasi Pesakit Dalam Hospital RIPAS	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penyediaan ubat-ubatan pesakit di dalam wad untuk lebih teratur dan efisien</li> <li>● Mengelakkan dispensing error disebabkan oleh tekanan kerja dan keletihan</li> <li>● Mengatur jadual tugas pegawai dan kakitangan farmasi untuk lebih efektif dan produktif selaras dengan pattern waktu preskripsi diterima</li> <li>● Menambahbaik masa penyediaan ubat-ubatan pesakit di dalam wad</li> </ul>	Isu farmasi Pesakit Dalam Hospital RIPAS kerap tutup lewat selepas waktu berkerja (selepas 5.30 petang - 7 malam) bagi memastikan pesakit di dalam wad dapat diberikan ubat telah berlanjut untuk beberapa tahun. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk jumlah kakitangan yang terhad, waktu preskripsi diterima, jumlah preskripsi, jenis dan kerumitan preskripsi. Preskripsi kebiasaannya akan diterima bermula dari awal pagi dan meningkat pada lewat pagi sehingga petang. Preskripsi yang diterima selepas waktu bekerja akan diproses pada keesokkan harinya atau pegawai farmasi <i>on-call</i> akan dipanggil. Sehubungan dengan itu perkhidmatan waktu lanjutan sehingga jam 7 malam telah diperkenalkan di farmasi ini dimana pegawai dan kakitangan dibahagikan kepada dua kumpulan waktu berkerja iaitu satu kumpulan akan bertugas mengikut waktu berkerja biasa sementara kumpulan kedua akan mula bertugas pada jam 10.15 pagi. Dengan ini waktu penerimaan preskripsi terakhir untuk diproses juga dilanjutkan dan ini dapat mengurangkan preskripsi yang akan di proses keesokan hari atau tidak perlu memanggil pegawai farmasi <i>on-call</i> secara kerap.
15	Perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan pesakit	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Untuk memudahkan pesakit supaya tidak perlu datang ke hospital untuk mengambil bekalan bulanan ubat mereka terutama sekali kepada pesakit yang mempunyai masalah pengangkutan</li> <li>● Memberi kemudahan kepada orang bekerja yang mana mereka tidak perlu keluar pejabat ataupun meninggalkan perkerjaan untuk mengambil ubat.</li> <li>● Oleh itu ianya akan dapat membantu bagi tidak menjelaskan produktiviti perkhidmatan samada di sektor kerajaan atau swasta</li> <li>● Menambahbaik masa menunggu pesakit di farmasi</li> <li>● Mengurangkan kesesakan di kawasan hospital dan pusat kesihatan</li> </ul>	Perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan ke rumah atau ke tempat yang dipilih oleh pesakit telah diperkenalkan di farmasi Pesakit Luar Hospital RIPAS pada awal tahun 2019. Perkhidmatan ini dapat memberi kemudahan kepada pesakit untuk memilih samada datang ke farmasi seperti lazimnya atau memilih untuk ubat-ubatan dihantar terus ke kediaman mereka. Perkhidmatan ini telah dapat menambahbaik masa menunggu pesakit yang datang ke hospital disamping dapat mengurangkan kesesakan di kawasan hospital.
JABATAN KESIHATAN RENAL				
16	Brunei Nephrology Clinical Practice Guidelines	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menjadi garispanduan kepada kakitangan yang baru berkhidmat dan golongan yang terlibat dalam menjaga / memeduli pesakit buah pinggang</li> <li>● Meningkatkan perkhidmatan klinikal dan penjagaan pesakit khususnya yang berkaitan dengan Nephrology</li> <li>● Untuk memastikan rawatan dan pengurusan pesakit adalah selaras dengan saranan dan piawaian antarabangsa</li> </ul>	Penerbitan buku garispanduan <i>Local Clinical Practice</i> ini merupakan satu inisiatif Jabatan Perkhidmatan Renal dalam mengemaskini garispanduan <i>Local Clinical Practice</i> khususnya berkaitan bidang nephrology.

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR</b>				
17	National TB Control Programme – The Way Forward	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memulakan pengkajian semula dan penyemakan Garis Panduan ‘National Tuberculosis Programme’</li> <li>Mengenal pasti kekurangan dalam perkhidmatan dan cara untuk memperbaiki</li> </ul>	Satu bengkel diadakan yang melibatkan pihak berkepentingan dalam program kawalan TB nasional.
18	Program Penggredan Kesihatan Premis Makanan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengukuhkan lagi aktiviti keselamatan makanan yang sedia ada</li> <li>Menggalakkan pengusaha premis makanan dalam mencapai dan mengekalkan standard kebersihan dan sanitasi yang tinggi. Ianya juga dapat memberikan persaingan yang sihat di kalangan pengusaha makanan untuk menyediakan makanan yang selamat dan berkualiti kepada orang ramai</li> <li>Membantu orang awam untuk mengetahui status kebersihan premis makanan melalui gred yang dipamerkan dan membuat pilihan</li> <li>Membantu industri pelancongan dengan memberikan keyakinan kepada para pelancong terhadap standard kebersihan premis makanan</li> </ul>	<p>Program Penggredan Kesihatan Premis Makanan adalah salah satu indikator status kebersihan dan sanitasi sesebuah premis makanan. Ianya dibuat melalui penilaian kesihatan yang terperinci terhadap faktor-faktor kritikal yang berisiko menjelaskan kualiti dan keselamatan makanan yang dikendalikan, disediakan, disimpan, diedarkan atau dihidangkan kepada orang awam.</p> <p>Sistem penggredan premis makanan pernah diimplementasikan sebelum ini dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seiring dengan pelaksanaan Lesen Rampaian. Akan tetapi, sejak Akta Lesen Rampaian dimansuhkan pada 1 Januari 2016, penggredan premis makanan juga telah ditidakkandakan.</p> <p>Program Penggredan Kesihatan Premis Makanan telah dilaksanakan semula dan dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan. Penggredan tertumpu kepada penilaian terhadap faktor-faktor kritikal yang berisiko menjelaskan kualiti dan keselamatan makanan yang dikendalikan, disediakan, disimpan, diedarkan atau dihidangkan. Sijil-sijil penggredan kemudian nya dikeluarkan kepada pemilik premis makanan setelah purata penilaian dilakukan sepanjang 12 bulan kebelakangan.</p>
19	Pembaharuan dan Penambahbaikan Proses Aduan Orang Ramai Permintaan Perkhidmatan Spray dan Fogging	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan aduan orang ramai</li> <li>Kesedaran masyarakat bahawa penyemburran racun serangga bukanlah satu pilihan terbaik untuk kawalan nyamuk.</li> <li>Kebersihan kawasan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk adalah penting untuk pengawalan penyakit bawaan vektor seperti denggi, chikungunya, filariasis, JE, zika dan sebagainya.</li> <li>Menguruskan perkongsian maklumat berkaitan lokaliti potensi wabak dan situasi semasa bersama kesihatan, agensi berkaitan dan pemimpin masyarakat seterusnya mengaktifkan tindakan pengesanan kes dan pemusnahan faktor risiko wabak Denggi.</li> <li>Meningkatkan satu pendakatan sebagai kerja berpasukan.</li> </ul>	<p>Pejabat Kesihatan Daerah Temburong bertanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan enggi dalam Darah dengan penyemburran racun serangga adalah satu kaedah daripada program kawalan penyakit bawaan vector. Namun bagitu aduan masalah nyamuk dan permohonan perkhidmatan spray dan fogging dari orang ramai meningkat setiap tahun. Oleh sebab itu pihak pejabat kesihatan Temburong mengambil langkah-langkah pembaharuan dan penambahbaikan proses aduan dan permohonan tersebut seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semua permohonan dan aduan tidak boleh terus ke Unit Kawalan Vector, Pejabat Kesihatan Daerah</li> <li>2) Menghadapkan permohonan melalui Ketua Kampong dahulu mengikut kawasan yang dipohonkan.</li> </ol>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>3) Pihak Kawalan Vektor memberi pengatahanan dan nasihat mengenai cara-cara pengawalan vektor terlebih dahulu sebelum melaksanakan kerja-kerja penyemburancan serangga.</p> <p>4) Menyaksikan bersama pengadu atau wakil dan pihak Kesihatan semasa membuat semburan racun serangga</p> <p>5) Maklumbalas kepada ketua kampung melalui bersurat dan salinan kepada Penghulu dan Pegawai Daerah selepas mengambil tindakan.</p>
20	Travel Vaccination Clinic	Pelakuan Organisasi	Mempromosikan perjalanan yang selamat dan sihat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi perkhidmatan kaunseling – memberikan maklumat mengenai risiko kesihatan, maklumat kesihatan perjalanan antarabangsa yang terkini, nasihat kesihatan mengenai negara yang akan dikunjungi.</li> <li>• Memberi vaksinasi yang perlu diambil sebelum memulakan perjalanan</li> <li>• Memberi ubat anti-malaria jika perlu</li> </ul>
21	Program Bertindak Taskforce Kebersihan Ladang Dan Pusat Penyembelihan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan tahap standard perladangan ternakan dan operasi penyembelihan adalah mengikut “best practices”</li> <li>• Menjamin kualiti produk dari segi kebersihan keselamatan makanan dan kehalalan</li> <li>• Memastikan ladang ternakan dan pusat penyembelihan memenuhi pra syarat pasaran eksport</li> </ul>	Penubuhan pasukan bertindak (taskforce kebersihan ladang dan pusat penyembelihan bagi menangani isu-isu perladangan yang berkaitan dengan alam sekitar, kesihatan awam serta kehalalannya.
22	Mengembangkan Keupayaan Pemantauan, Pemeriksaan Dan Kawalan Vektor	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal dan mengurangkan sumber vektor (source reduction) melalui environmental sanitation, aktiviti - aktiviti pengawalan vektor dan aktiviti - aktiviti pemantauan entomologi (entomological surveillance)</li> <li>• Promosi kesihatan dan kesedaran orang ramai mengenai penyakit-penyakit bawaan vektor adalah sangat penting untuk sama-sama mendokong dan membantu usaha kerajaan bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tersebut</li> <li>• Aktiviti-aktiviti pengawalan vektor (abating, fogging, spraying) yang telah lama dilakukan di negara ini adalah menggunakan beberapa jenis racun yang diiktiraf oleh pertubuhan kesihatan sedunia (WHO). Dalam hal ini, adalah menjadi keperluan teknikal bagi Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan penilaian insecticide resistance dari masa ke semasa, sebagaimana saranan pertubuhan kesihatan sedunia (WHO)</li> </ul>	Untuk mengembangkan dan meningkatkan kapasiti keupayaan pemantauan, pemeriksaan dan kawalan vektor berdasarkan pengurusan vektor berintegrasi (Integrated Vector Management )

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
23	Program Taklimat Pendidikan Kesihatan Alam Sekitar Sekolah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan kefahaman kepada murid-murid sekolah mengenai pentingnya penjagaan kebersihan diri</li> <li>Meningkatkan kesedaran akan pentingnya penjagaan kebersihan alam sekitar serta impaknya kepada murid-murid sekolah</li> </ul>	Taklimat kesedaran kesihatan awam mengenai kebersihan alam sekitar di sekolah rendah termasuk sekolah kerajaan dan swasta bagi Daerah Brunei Muara. Dengan adanya pemberian taklimat ini akan dapat memberikan impak yang positif dan bermanfaat yang berguna kepada pihak sekolah serta murid-murid sekolah berkenaan.
24	Taklimat Mengenai Dengan Virus COVID-19- NCOV	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan pengetahuan dan maklumat terkini mengenai dengan virus COVID 19.</li> <li>Memberi makluman kepada agensi kerajaan termasuk syarikat-syarikat swasta seperti BSP /BLNG dan pelancongan mengenai penularan penyakit COVID-19, kawalan yang dijalankan di pintu-pintu masuk negara ini dan impaknya kepada beberapa sektor di negara ini seperti industri pelancongan dan sebagainya.</li> </ul>	Untuk memberi kesedaran awam kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti syarikat-syarikat pelancongan dan minyak & gas di Negara Brunei Darussalam akan situasi penyakit berjangkit virus COVID-19-NCOV yang menular ke seluruh dunia.
25	Taklimat Kebersihan Dan Pengawalan Penyakit Bawaan Vektor Bagi Sekolah Menengah Dan Rendah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan kepentingan penjagaan kebersihan alam sekitar kepada penuntut-penuntut sekolah</li> <li>Meningkatkan kesedaran dan kefahaman akan kepentingan keselamatan makanan bagi menghindari penyakit bawaan makanan seperti keracunan makanan dan sebagainya</li> <li>Memberikan kefahaman mengenainya pengawalan penyakit bawaan vektor khususnya penyakit Demam Denggi yang mana masih lagi dilaporkan berlaku menjelaskan penduduk di Negara Brunei Darussalam</li> </ul>	Program taklimat kebersihan dan pengawalan bawaan vektor bagi sekolah menengah dan rendah adalah merupakan program pendidikan kesihatan yang memberikan kesedaran dan pengetahuan yang bermanfaat kepada penuntut-penuntut mengenai kepentingan kebersihan alam sekitar, keselamatan makanan dan pengawalan penyakit bawaan vektor seperti demam Denggi dan lain-lain.
JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK				
26	Peralihan Sistem Kualiti Jabatan ISO 17025:2005 kepada ISO 17025:2017	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi jaminan kecekapan dan kompetensi kakitangan profesional dan teknikal</li> <li>Memelihara dan mengawal kualiti ujian makmal dengan menghasilkan ujian makmal yang betul, tepat dan boleh dipercayai melalui pemantau piawai antarabangsa</li> <li>Berupaya untuk menangani dan mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pengguna di mana program ini memastikan ujian makmal dibuat oleh kakitangan makmal yang kompeten</li> <li>Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan</li> <li>Membantu untuk mencapai strategik, rancangan dan objektif yang menyokong misi Kementerian Kesihatan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi</li> </ul>	<p>Jabatan Perkhidmatan Saintifik adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kesihatan yang telah diberi pengiktirafan dan akreditasi antarabangsa oleh Singapore Accreditation Council (SAC - Singlas) bagi ISO17025 : 2005 pada bulan Mac 2016.</p> <p>Sejajar dengan perkembangan semasa, piawai ISO / IEC 17025 : 2005 telah melalui kajian semula sejak beberapa tahun kebelakangan dan pada penghujung tahun 2017, versi baharu telah diterbitkan. Dengan ini semua organisasi yang telah mendapat akreditasi ISO / IEC 17025 : 2005 adalah dikehendaki untuk beralih kepada versi 2017 dalam tempoh masa 3 tahun untuk mengekalkan status akreditasi organisasi tersebut.</p> <p>Memandangkan akreditasi Jabatan Perkhidmatan Saintifik akan mansuh pada bulan Mac 2020, penilaian pembaharuan dan peralihan perlu dilaksanakan sebelum tarikh tersebut. Proses peralihan telah dijalankan ke atas semua cawangan - cawangan jabatan ini oleh (SAS - Singlas) pada bulan Februari 2020</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020 DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>dan pada 21 Mac 2020 penganugerahan pengiktirafan akreditasi mengikut versi baharu iaitu ISO 17025:2017 telah diluluskan oleh SAC - Singlas.</p> <p>Selain daripada memberikan perkhidmatan penganalisaan pelbagai bidang ujian analitik kepada kementerian dan jabatan kerajaan, pihak swasta juga mendapat khidmat penganalisaan dari hampir semua bahagian di jabatan ini. Perkhidmatan penganalisaan adalah dikenakan caj mengikut ujian yang dipohonkan dan menyumbang kepada kutipan hasil pihak kerajaan.</p> <p>Mengekalkan status akreditasi jabatan adalah sangat penting memandangkan ia adalah pengiktirafan antarabangsa dimana diperakui bahawa organisasi berkenaan mempunyai pengurusan sistem kualiti bertaraf antarabangsa dan makmal yang diakreditasi menunjukkan kecekapan secara teknikal dan mampu untuk memberikan tahap penganalisaan yang menepati piawaian antarabangsa.</p>